

petani-petani yang mengembara, supaya mereka dapat mengusahakan pertanian secara tetap.

16. Saya juga berharap Kerajaan Negeri, disamping melaksanakan rancangan jangka-panjangnya, memberi keutamaan kepada keperluan-keperluan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman, serta pembangunan pertanian. Saya diberitahu, bahawa Kerajaan Negeri Sarawak, telahpun menjalankan usaha yang luas dalam bidang pembangunan pertanian. Tetapi, apa yang saya maksudkan, ialah supaya Sarawak, dan juga negeri-negeri lain, meningkat serta memesatkan lagi program ini, agar ia dapat